

'Kedudukan Mustapha Jabar tak terjejas'

KUALA LUMPUR, Sabtu — Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini menyokong sebulat suara langkah Kerajaan mengarahkan semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan merujukan tawaran tender firma British kepada Jabatan Perdana Menteri bagi penentuan akhir.

Arahan itu juga mewajibkan semua Kementerian dan badan berkanun Kerajaan menghantar bersama tender firma pilihan kedua bukan British.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad minggu lalu, mengumumkan dasar itu. Ia, bagaimanapun, tidak melibatkan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Perdana Menteri memberitahu pemberita selepas mesyuarat MT UMNO di sini, beliau telah menjelaskan perkara itu dengan panjang lebar kepada para ahli MT.

Difahamkan arahan tersebut adalah tindakbalas Kerajaan terhadap langkah Majlis Saham Perindustrian di Britain meminda peraturan mengenai pengambilalih saham dan stok di United Kingdom.

Pindaan itu dibuat berikutan kejayaan Per-

modalan Nasional Berhad (PNB) mengambilalih Guthrie Corporation melalui pembelian saham di London, bulan lalu.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat tiga jam itu juga mengesahkan keahlian berbagai biro yang telahpun dilantik baru-baru ini.

Menjawab pertanyaan, beliau memberitahu mesyuarat tersebut tidak membincangkan kedudukan Senator Datuk Haji Mustapha Jabar sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Perkara ini menjadi tajuk perbincangan di kalangan pemerhati poli-

tik tempatan sejak kebelakangan ini berikutan laporan ura-ura Naib Presiden UMNO, Datuk Haji Harun Idris ingin menyandang jawatan itu.

"Kami tidak membincangkan perkara ini dan seperti yang anda semua boleh lihat, beliau masih berada di sini bersama-sama kita.

Kepada pertanyaan lain mengenai tarikh penetapan pilihanraya umum akan datang, Datuk Seri Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata:

"Saya tidak berhajat membuat sebarang komen mengenainya sekalipun perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat hari ini."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia